

Mohd Zaini menyampaikan sumbangan kepada seorang penduduk Islam Krabi.



‘Sebak melihat penduduk

daif’

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Krabi

“Kami tidak dapat menyembunyikan rasa sebak dan terharu ketika mengunjungi beberapa rumah penduduk yang amat daif. Kisah keperitan hidup mereka menjadikan kami insaf dan bersyukur nikmat kurniaan Tuhan.”

Itu adalah antara pengalaman dikongsikan pegawai pengiring program Global Islamic Student Outreach (GISO): Travelog Menyelusuri Bumi Krabi, Mohd Zaini Othman, baru-baru ini.

Mohd Zaini berkata, program khidmat komuniti bersama-sama masyarakat Islam tempatan itu disertai 10 ahli Kelab Debat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan pelbagai pengisian aktiviti fizikal, kerohanian

dan intelektual.

Katanya, antara pengisian program ialah menziarahi penduduk fakir dan miskin di Kampung Klong Khamao serta Kampung Koh Khlang yang terletak di pedalaman untuk menyampaikan sumbangan makanan harian.

“Kami juga berpeluang mengunjungi dua sekolah Islam iaitu Anubal Wunthong School (sekolah rendah) dan Wunthong Wittaya School (sekolah menengah) bagi menjalankan aktiviti pemindahan ilmu bersama-sama pelajar.

“Bagi mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai syiar Islam di wilayah kecil berkenaan, kami menziarahi Presiden Komuniti Islam Krabi, Asnawee Mukura di Masjid

Besar Wilayah Krabi,” katanya.

Syiar Islam

Mohd Zaini berkata, pelbagai pendekatan dilaksanakan bagi memastikan syiar agama Islam terus semarak dalam kalangan penduduk Islam Krabi kerana mereka hanya golongan minoriti, berbanding Yala, Narathiwat atau Songkhla yang mana majoriti penduduknya beragama Islam.

Peluang berada di Krabi turut dimanfaatkan peserta untuk menikmati keindahan alam semula jadi seperti mengunjungi beberapa pulau, bersnorkel dan mandi-manda di Emerald Pool.

Kunjungan ke Krabi juga bagaikan tidak lengkap jika



Aktiviti bersiar-siar menaiki gajah memberi pengalaman baharu kepada peserta.



Sesi pemindahan ilmu bersama-sama pelajar Islam.

“**BAGI MENDAPATKAN GAMBARAN LEBIH JELAS MENGENAI SYIAR ISLAM DI WILAYAH KECIL BERKENAAN, KAMI MENZIARAHI PRESIDEN KOMUNITI ISLAM KRABI, ASNAWEE MUKURA DI MASJID BESAR WILAYAH KRABI**”

Mohd Zaini Othman, Pegawai pengiring program GISO: Travelog Menyelusuri Bumi Krabi

tidak merasai pengalaman menaiki gajah sekitar Tha Sua Cave kerana perlu melawat kawasan denai hutan, bulu berbatu dan meredah kola air.

Mengimbuai perjalanan Krabi, Mohd Zaini berkat peserta menempuh perjalanan darat sejauh 1,010 km selama 14 jam bermula dari kampus USIM di Nilai melalu pintu sempadan Kompleks Imigresen Bukit Kayu Hitam (Malaysia) dan Kompleks Imigresen Sadao (Thailand).

Beliau berkata, perjalanan jauh sedikitpun tidak menghilangkan ketertujaan rombongan GISO melakukan persiapan sumbangan keperluan harian untuk penduduk Muslim Krabi.

Peserta turut menyertai aktiviti menyelam.

